



ALBUM  
KENANGAN...  
murid-murid  
tahun 6  
bergambar  
dengan para  
jemputan VIP  
dan  
guru-guru.

TUNGGU GILIRAN...sebahagian pelajar Tahun 6 menanti giliran untuk menerima sijil.

## Majlis jamuan akhir tahun PPKI SK Luyang berlangsung meriah

NST 18.11.2019 G

KOTA KINABALU: Majlis jamuan akhir tahun PPKI SK Luyang yang berlangsung di sebuah Hotel ternama baru-baru ini berlangsung dengan meriah.


Majlis bertemakan Jalinan Interaksi Melakar Kenangan itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya TS Dr. Ramzah Dambul.

Terdahulu, ucapan didahului oleh Guru Besar SK Luyang, Encik Vejayabalan Subramaniam dan Pengerusi Kelab Pendidikan Khas SK Luyang, Puan Fullfarana John.

Majlis juga diserikan dengan persem-

bahan nyanyian daripada murid-murid pendidikan khas, persembahan nyanyian, penyampaian sijil murid tahun 6 dan penghargaan khas murid PPKI, Persembahan multi media serta cabutan tiket bertuah.

Turut hadir di majlis itu ialah Penolong Pengarah Sektor pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Jeffery Sarikul, Penolong Pegawai Pendidikan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu, Razif Raduan, Ketua Projek, Projek Pilot Fitness UMS, Prof Madya Dr. Dayang Maryamah dan Naib YDP PIBG Asmei Amin. **OLEH EJA**



CENDERA HATI... Vejayabalan menyampaikan cenderamata kepada Prof Dr. Ramzah.